

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. PDS ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Zurich Essential Cover?

Zurich Essential Cover menyediakan perlindungan terhadap Kematian, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (KAK) dan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) untuk **30** tahun.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 1,536.00** tahunan anda akan menerima **perlindungan** insurans hayat berikut:

	Tahun Polisi	Jumlah Dibayar (RM)
Manfaat Kematian / HUKK / HUWE (selain disebabkan oleh kemalangan)	1 hingga 2	Semua premium yang telah dibayar
	3 hingga 30	300,000 atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
Manfaat Kematian / HUKK / HUWE (disebabkan oleh kemalangan)	RM 300,000 atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi	
Manfaat Kematian Akibat Balik Kampung	Tambahan RM 300,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian	
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Pengangkutan Awam	Tambahan RM 600,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian	
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Di Luar Negara	Tambahan RM 900,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian	
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Di Dalam Penerbangan	Tambahan RM 1,200,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian	
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Bencana Alam	Tambahan RM 1,500,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian	

Nota: Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dibayar.
- HUKK / HUWE - Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan (iaitu penyakit sedia ada).
- Kematian Akibat Kemalangan - sebarang kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada polisi insurans untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/essentialcover>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 1,536.00 (tahunan)
Tempoh: 30 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	28.50% daripada premium atau RM 2,626.56 selama 6 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian atau HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan.
- **Pembalatan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.